



# **PROMOSI DARI UNIVERSITI YAMANASHI , JEPUN**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sekali lagi telah menerima lawatan dari Universiti Yamanashi, Jepun yang diwakili oleh Dekan Pusat Elektrik dan Elektronik, Prof. Dr. Akitsu Tetsuya. Beliau turut ditemani oleh dua orang pelajar pasca siswazah dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang menyambung pelajaran di Universiti Yamanashi, iaitu Siti Khadijah Za aba dan Mohammad Taufiq Mustaffa, yang juga pelajar seliaan beliau di Universiti Yamanashi, Jepun.

Lawatan ini bertujuan untuk memberi maklumat dan publisiti untuk para pelajar pasca siswazah untuk menyambung pengajian mereka di sana, terutamanya kepada staf-staf akademik dan juga pelajar-pelajar UniMAP. Selain itu, Prof. Dr. Akitsu Tetsuya juga dibawa melawat ke makmal Pusat Kejuruteraan Alam Sekitar, Jejawi. Beliau amat tertarik dengan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan bioperubatan, kejuruteraan alam sekitar dan kejuruteraan bioproses.